

Nelayan asing ceroboh taman laut, tangkap gamat

**Penguatkuasa
Jabatan Perikanan
Terengganu tahan
dua bot nelayan
Vietnam**

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Dua bot nelayan Vietnam sanggup menempuh perjalanan lebih tiga hari untuk menceroboh masuk ke perairan negara semata-mata muh menangkap gamat yang dikatakan banyak di negeri ini.

Bagaimanapun, usaha mereka tidak berjaya apabila ditahan



Zawawi (tengah) menunjukkan gamat yang dirampas berikutan penahanan dua bot nelayan Vietnam di Pulau Tenggol, kelmarin.

penguatkuasa Unit Perlindungan Sumber, Taman Laut, Jabatan Perikanan Terengganu pada jam 2 petang kelmarin selepas men-

dapat maklumat daripada nelayan tempatan.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, bot

Vietnam itu dikesan menangkap hasil laut di kawasan Taman Laut Pulau Tenggol.

"10 anggota diketuai Timbalan Pegawai Perikanan, Huzaifah Jaafar bergerak ke Pulau Tenggol dengan bot peronda taman laut dan hasil pemeriksaan, kita menemui alat yang digunakan untuk menangkap gamat.

"Kita turut merampas kira-kira 10 kilogram gamat yang sudah ditangkap dan difahamkan bot ini baru saja sampai di sini," katanya pada sidang akhbar di jeti Perikanan pangkalan Pulau Kambing, di sini semalam.

Jabatan Perikanan turut menahan 11 awak-awak berusia antara 26 tahun hingga 40 tahun dan menyita dua bot serta pelbagai peralatan dianggarkan bernilai lebih RM1 juta.